

Buletin LKEM

Edisi 3/2024



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN MALAYSIA

Eksklusif **HARI TERBUKA CGSO**

Pengambilan Baharu
Pegawai CGSO

Majlis Tamat Latihan
Kursus Asas Keselamatan
Perlindungan

Fokus
THE GAME
C.H.A.N.G.E.R
CGSO



G+ www.cgso.gov.my

f cgso

cgso_news

ISI KANDUNGAN

- 
- AKTIVITI DI ILKEM**
 - ms04 PERUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
 - ms05 PERUTUSAN PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
 - FOKUS**
 - ms07 THE GAME CHANGER CGSO
 - ms09 MENYUSURI JEJAK SEJARAH DAN MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME
 - EKSKLUSIF**
 - ms13 PENGAMBILAN BAHRU PEGAWAI KESELAMATAN CGSO
 - ms15 MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN
 - ms18 OPEN DAY CGSO
 - ARTIKEL CGSO**
 - ms22 KERANGKA KONSEPTUAL SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BERSEPADU (SKKB) DI MALAYSIA
 - ms25 SANITASI MEDIA ELEKTRONIK BUKAN SEKADAR PEMBERSIHAN : MELINDUNGI DATA ANDA DARIPADA KETIRISAN MAKLUMAT
 - ms28 ANCAMAN DALAMAN BERPUNCA DARI KELEMAHAN PROSEDUR ATAU KELEMAHAN MANUSIA
 - RINGKASAN KURSUS**
 - ms32 RINGKASAN KURSUS
 - ms35 KURSUS BASIC LIFE SUPPORT SIRI 2/2024
 - ms36 BENGKEL PENGENDALIAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI AM 492
 - ms38 KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SARASAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK SIRI 3
 - ms39 KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS KAWALAN KEBAKARAN) SIRI 2/2024
 - ms41 BENGKEL PENGGUBALAN SOALAN PEPERIKSAAN BAGI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN DAN PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN
 - ms42 KURSUS KESEDARAN BAGI SISTEM PENGURUSAN KUALITI ISO 9001:2015 SERTA BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT SYSTEM ISO 22301:2019
 - BERITA PERKHIDMATAN**
 - ms45 PEGAWAI INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA
 - NUKILAN**
 - ms47 IKHLAS, JANJI DAN KHIDMAT

SEDANG REDAKSI

Penaung

yBhg. Dato` Rahimi bin Ismail

Penasihat

yBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip

Ketua Pengarang

Encik Roselan bin Mohamed

Ahli Jawatankuasa

Puan Nur Azhanii binti Yunos

Encik Ahmad Shaharuddin bin Muhammad

Encik Mohd Saiful Hisham bin Md Salleh

Encik Ruszani bin Abdul Karim

Encik Fouadzli bin Abdullah

Encik Mohd Radzi bin Jamalluddin

Puan Salmah binti Shahidan

Tuan Haji Azali bin Bachok

Encik Mohd Faizul bin Mohd Nor

Encik Ag. Mohd Ismail bin A. M. Nordin

Puan Nurul Haswani binti Saiman

Pegawai Penyelaras

Encik Mohd Azhar bin Yusoff

Encik Mohd Amirul Hafiz bin Abdul Halim

Perekar Grafik

Encik Mohd Raziz bin Minhat

Edisi 3/2024

PERUTUSAN

KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera.

Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, segala puji dan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) Edisi Ketiga Tahun 2024 dapat direalisasikan dengan penuh jayanya. Syukur saya dapat merakamkan untaian kata di dalam Buletin ILKEM Edisi Ketiga tahun ni.

Selaras dengan perkembangan semasa dan pertambahan fungsi Pejabat Ketua Pegawai keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), ILKEM telah meningkatkan lagi keupayaan dan perkhidmatan bagi mencapai visi CGSO sebagai pusat rujukan Keselamatan Perlindungan terunggul. Dengan pembaharuan yang telah dilaksanakan, ILKEM telah dilengkapi dengan fasiliti dan modul pembelajaran yang semakin meluas.

Selaras dengan permintaan yang tinggi untuk pelaksanaan Kursus Keselamatan Perlindungan serta pertambahan fasiliti pengoperasiannya, ILKEM bercadang untuk membuka ruang bagi agensi swasta untuk menggunakan fasiliti dan modul keluaran ILKEM. Semoga penggunaan fasiliti dan modul ILKEM yang semakin meluas oleh agensi Kerajaan dan swasta, ianya diharap dapat memberi nafas baharu kepada ILKEM sebagai pusat kecemerlangan perlindungan yang setanding dengan institut latihan awam yang lain.

Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin ILKEM serta para penulis yang telah menyumbang kepada penerbitan Buletin ILKEM kali ini. Semoga penerbitan Buletin ILKEM ini dapat menjadi rujukan kepada semua.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan



PERUTUSAN

PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA
(ILKEM)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera.

Salam Malaysia Madani.

Pada hari yang penuh bermakna ini, kita sekali lagi berkumpul untuk memperingati tarikh bersejarah yang telah mengubah landskap negara kita. Sambutan Hari Kemerdekaan ke-67 ini bukan sahaja mengingatkan kita kepada perjuangan dan pengorbanan para pahlawan negara, tetapi juga menanam semangat kecintaan dan patriotisme dalam sanubari kita semua.

Tema sambutan tahun ini, "**Malaysia Madani: Jiwa Merdeka.**" Tema ini menekankan perpaduan holistik dan pembangunan progresif negara dengan menonjolkan enam nilai teras yang menjadi asas kepada kemakmuran dan kemajuan Malaysia. Aspek penting yang perlu kita fokuskan ialah keselamatan, baik di peringkat individu, komuniti, maupun negara. ILKEM merupakan salah satu bahagian di ibu pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), yang bertanggungjawab di dalam aspek keselamatan perlindungan dengan memberi khidmat nasihat serta mengadakan kursus kepada pegawai-pegawai CGSO yang meliputi aspek keselamatan fizikal, dokumen, personel dan keselamatan ICT.

Justeru itu, ILKEM bertindak dan bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan yang memfokuskan keselamatan perlindungan dan ia adalah tunjang kepada kemerdekaan yang kita nikmati pada hari ini. Tanpa keselamatan perlindungan, mustahil bagi kita untuk membina dan mengekalkan kemakmuran yang dikehendaki hari ini. Oleh itu, marilah kita pertingkatkan usaha dalam memastikan keselamatan perlindungan sentiasa terpelihara. Ini termasuklah menjaga kerahsiaan dokumen terperingkat daripada berlakunya kebocoran, meningkatkan kesedaran keselamatan perlindungan dengan memberikan kursus kepada agensi, jabatan dan kementerian berkenaan keselamatan perlindungan, dan memastikan pegawai CGSO menguasai dan mematuhi garis panduan yang terdapat di dalam arahan keselamatan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-67 kepada seluruh warga ILKEM dan CGSO. Semoga kita semua terus diberi kekuatan dan keberanian untuk menghadapi cabaran masa depan dan memastikan Malaysia terus gemilang dan terbilang serta menjaga kerahsiaan negara.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed
Pengarah
Institut Latihan Keselamatan
Perlindungan Malaysia (ILKEM)



FOKUS

The Game C.H.A.N.G.E.R CGSO



Pada 21 Mei yang lepas, YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO) telah melancarkan Akronim 'The Game Changer' pada Majlis Amanat Ketua Pengarah bersama warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) di ibu pejabat CGSO. The Game Changer merupakan wacana minda yang telah diutarakan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah bagi menerapkan nilai etika dalam diri semua pegawai CGSO khususnya C.H.A.N.G.E.R merupakan akronim

'Changer' (Perubahan), 'Holistic Approach' (Pendekatan Menyeluruh), 'Accountable' (Akauntabiliti), 'Noble' (Sifat Terpuji), 'Guardian' (Penjaga), 'Excellence' (Kecemerlangan) dan 'Resilience' (Daya Tahan).

Pegawai awam terutama warga CGSO yang diterapkan dengan ketinggian nilai peribadi dan mampu mengekalkan pencapaian yang baik akan memacu perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan dalam kerajaan serta meningkatkan mutu keselamatan perlindungan negara ini. Nilai-nilai ini akan ditekankan dalam mendepani era yang penuh cabaran pada masa kini. Maka, akreditasi nilai peribadi dan organisasi menjadi satu kewajiban demi menjayakan aspirasi untuk menjadi pusat rujukan Keselamatan Perlindungan yang setaraf dengan negara-negara lain.

"Kejayaan yang kita kecapi pada suku pertama tahun 2024 ini merupakan satu titik permulaan kepada kejayaan untuk kita amati dan hayati bersama. Saya percaya dan yakin bahawa semua pegawai mampu memberi komitmen jitu terhadap tugas masing-masing demi kecemerlangan CGSO"- Petikan ucapan YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah CGSO.

Dalam ucapan tersebut juga, beliau menitipkan agar pegawai - pegawai perlu sentiasa peka dengan situasi terkini bagi memastikan CGSO berjaya menjalankan fungsi dan peranan dengan mengadaptasi norma baharu dalam perlaksanaan perkhidmatan yang cemerlang.

PRINSIP THE GAME CHANGER

lanya untuk dihayati, difahami dan diterjemahkan dalam urusan harian serta perancangan pejabat.



**C
H
A
N
G
E
R**

CHANGE (PERUBAHAN)

Perubahan berkenaan Keselamatan Perlindungan mengikut cabaran dan perubahan semasa.

HOLISTIC APPROACH (PENDEKATAN MENYELURUH)

Sokongan sepenuhnya kepada sistem berbanding individu.

ACCOUNTABLE (AKAUNTABILITI)

Kesungguhan, komitmen dan kesetiaan perkhidmatan awam dalam melaksanakan tanggungjawab dan janji seperti yang termaktub dalam Ikrar Perkhidmatan Awam bagi memacu kecemerlangan berkhidmat demi rakyat untuk negara.

NOBLE (SIFAT TERPUJI)

Menerusi nilai, etika dan kerjasama yang mantap dan berpadu, agenda organisasi dapat dilaksanakan secara efektif dengan penuh dedikasi.

GUARDIAN (PENJAGA)

Sifat warga CGSO yang sentiasa peka terhadap sebarang ancaman dan cabaran semasa.

EXCELLENCE (KECEMERLANGAN)

Bagi mencapai tahap kecemerlangan yang unggul, setiap warga kerja CGSO perlu bersaing secara sihat demi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.

RESILIENCE (DAYA TAHAN)

Daya tahan yang utuh sama ada fizikal dan mental akan dapat mencapai matlamat yang diinginkan sekalipun berdepan dengan kesukaran.

Akronim "The Game Changer" ini telah dibentangkan oleh YBhg. Dato' Rahimi Bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan pada 21 Mei 2024.

MENYUSURI JEJAK *Sejarah* DAN MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME



Sumber Gambar: Mr. Tan, Wikipedia

Tanggal 31 Ogos adalah hari yang sangat bermakna bagi rakyat Malaysia. Pada tarikh ini, kita memperingati Hari Kemerdekaan yang menandakan pembebasan negara dari penjajahan British pada tahun 1957. Tahun 2024 menyaksikan ulang tahun ke-67 kemerdekaan Malaysia, dan perayaan tahun ini dijangka lebih meriah dan penuh makna. Tema Hari Kemerdekaan Malaysia 2024 ialah "Malaysia Madani, Jiwa Merdeka." Tema ini menekankan perpaduan holistik dan pembangunan progresif negara dengan menonjolkan enam nilai teras yang menjadi asas kepada kemakmuran dan kemajuan Malaysia.

Malaysia, sebelum merdeka dikenali sebagai Malaya, telah lama berada di bawah penjajahan kuasa asing, bermula dengan Portugis pada abad ke-16, diikuti oleh Belanda, dan akhirnya British. Penjajahan ini meninggalkan kesan yang mendalam terhadap sosio-ekonomi dan politik negara. Namun, ia juga menyemai benih semangat nasionalisme yang akhirnya membawa kepada kemerdekaan. Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, semangat nasionalisme mula berkembang dalam kalangan rakyat Malaya. Beberapa organisasi dan tokoh-tokoh penting memainkan peranan dalam menyemarakkan semangat kebangsaan. Persatuan-persatuan seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan tokoh-tokoh seperti Ibrahim Yaacob, Burhanuddin Helmi, dan Ahmad Boestamam menjadi antara yang terawal memperjuangkan hak-hak orang Melayu dan menentang penjajahan.

Perang Dunia Kedua dan pendudukan Jepun di Malaya telah mengubah landskap politik tanah air. Selepas perang, British kembali berkuasa tetapi menghadapi penentangan yang lebih hebat dari rakyat Malaya. Malayan Union yang diperkenalkan pada tahun 1946 ditentang hebat oleh orang Melayu kerana dianggap merugikan kedudukan politik dan sosial mereka. Ini membawa kepada penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1946 di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar. Pada tahun 1951, Tunku Abdul Rahman mengambil alih pimpinan UMNO dan bersama-sama dengan MCA (Malayan Chinese Association) dan MIC (Malayan Indian Congress), mereka membentuk Perikatan. Gabungan ini berjaya memenangi pilihan raya persekutuan pertama pada tahun 1955, dan Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri pertama Malaya.

Selepas beberapa rundingan dengan pihak British, akhirnya pada 31 Ogos 1957, Malaya diisytiharkan merdeka oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Peristiwa bersejarah ini disaksikan oleh ribuan rakyat yang bersorak gembira, membawa harapan baru untuk masa depan yang lebih cerah. Pada tahun 1963, Sabah, Sarawak, dan Singapura bergabung dengan Malaya untuk membentuk Malaysia. Walaubagaimanapun, Singapura keluar dari Malaysia pada tahun 1965.

Setiap tahun, sambutan Hari Kemerdekaan disemarakkan dengan pelbagai aktiviti yang mengingatkan kita tentang pentingnya bersatu-padu dan menghargai kemerdekaan. Pada tahun 2024, acara-acara yang dirancang termasuklah perarakan hari kemerdekaan, pertunjukan bunga api, pameran sejarah dan kebudayaan, program komuniti, konsert dan persembahan kebudayaan serta acara pendidikan. Kemerdekaan bukan sekadar perayaan, tetapi juga satu kesempatan untuk merenung dan menghargai usaha serta pengorbanan generasi terdahulu. Ia juga mengingatkan kita tentang tanggungjawab untuk memelihara keamanan, kestabilan, dan kemakmuran negara. Setiap rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum dan agama, perlu memainkan peranan dalam memupuk semangat patriotisme dan berusaha untuk mencapai visi negara yang lebih baik.



Sumber Gambar : Arkib Negara Malaysia

Beberapa cara untuk memupuk semangat patriotisme termasuklah menghargai dan memelihara warisan budaya dengan menjaga dan menghidupkan semula warisan budaya, bahasa, dan tradisi setiap kaum di Malaysia adalah penting untuk memupuk rasa bangga terhadap identiti kebangsaan. Menyertai aktiviti sukarela dan komuniti dengan penglibatan aktiviti sukarela seperti gotong-royong dapat mengukuhkan ikatan antara rakyat serta memupuk semangat kebersamaan. Selain itu, memupuk dengan cara pendidikan dan memberi kesedaran kepada generasi muda tentang sejarah negara dan nilai-nilai kemerdekaan melalui kurikulum sekolah, ceramah, dan program kesedaran serta menerapkan nilai-nilai positif sikap toleransi, hormat-menghormati, dan bekerjasama antara kaum harus diamalkan dalam kehidupan seharian untuk memupuk perpaduan nasional.



Sumber Gambar: Daily Kemerdekaan, Nilai Sebuah Kemerdekaan

Sambutan Hari Kemerdekaan pada kali ini adalah peluang untuk kita semua memperkuuh semangat perpaduan dan kebanggaan sebagai rakyat Malaysia. Dengan mengingati sejarah dan menghargai nilai-nilai kemerdekaan, kita dapat melangkah maju bersama-sama, mengharungi segala cabaran, dan membina masa depan yang lebih gemilang untuk negara tercinta. Perayaan ini bukan sahaja mengingatkan kita tentang pentingnya kebebasan dan kedaulatan negara, tetapi juga tentang tanggungjawab kita sebagai rakyat untuk memastikan Malaysia terus makmur dan bersatu-padu.

Sumber Rujukan :

1. Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya. (1984) A History of Malaysia.
2. RO Winstedt and RJ Wilkinson. (2020) Sejarah Malaysia.
3. Arkib Negara Malaysia, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan.
4. Rozita binti Alias @ Abdul Latiff. (2023) Erti Sebuah Kemerdekaan.



Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman (Bapa Kemerdekaan)

“Merdeka itu bukanlah suatu bendayang mudah boleh didapat, melainkan ialah dikehendaki untuk mendapatkannya itu, iaitu pengorbanan yang sebenar pengorbanan.”



EKSKLUSIF

Pengambilan Baharu Pegawai Keselamatan CGSO

Pada 15 Julai 2024, seramai 133 orang pelatih telah melaporkan diri di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan bagi menjalani Kursus Asas Keselamatan Perlindungan (KAKP). Daripada jumlah keseluruhan, 5 orang pelatih merupakan Pegawai Keselamatan (KP41), 4 orang pelatih merupakan Penolong Pegawai Keselamatan (KP29), 29 orang pelatih merupakan Pembantu Keselamatan (KP19) serta seramai 95 orang pelatih merupakan Pengawal Keselamatan (KP11) yang telah hadir dan melaporkan diri di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan (ILKEM).



Pelatih Kursus Asas Keselamatan Perlindungan (KAKP) yang hadir perlu menjalani latihan dan kursus selama 3 minggu bermula 15 Julai 2024 sehingga 8 Ogos 2024. Antara perkara yang diberi tumpuan dan penekanan sepanjang kursus asas ini berlangsung adalah pendedahan terhadap skop tugas Pejabat ketua Pegawai Keselamatan kerajaan Malaysia (CGSO), disiplin, fizikal dan mental sebagai persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan sebagai warga CGSO.

“Jangan pernah menyerah pada impian anda hanya kerana masa yang diperlukan untuk mencapainya. Masa akan berlalu juga.”

-Earl Nightingale-
(Penulis, Pakar Pembicara, Tokoh Motivasi)



ILKEM telah menggalas tanggungjawab yang besar dalam mengendalikan kursus asas ini dengan mengambil kira langkah-langkah pencegahan penyalahgunaan dadah dan bahan larangan kepada pelatih sebelum di bawa masuk ke dalam CGSO. Justeru itu, ILKEM telah mengadakan kerjasama bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam memerangi penyalahgunaan dadah. ILKEM juga turut bekerjasama bersama Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dalam memastikan setiap dokumen-dokumen yang diperlukan lengkap seperti yang tertakluk di dalam surat tawaran pelatih serta turut bekerjasama bersama Koperasi dan juga Kelab Sukan dan Kebajikan (KESKEB) CGSO.

Di harapkan agar para pelatih yang menjalani kursus asas ini sentiasa ingat akan ahli keluarga yang rata-ratanya berpesan agar menjaga nama baik keluarga dan lakukan yang terbaik demi keluarga tercinta.

Majlis Tamat Latihan KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Pada tarikh 08 Ogos 2024, Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan Siri 1/2024 telah diadakan dan ia adalah kemuncak kepada pelatih-pelatih bersama pihak pengurusan ILKEM dan juga CGSO yang telah mengharungi pelbagai cabaran dan ujian sepanjang tempoh kursus asas yang telah dijalankan selama tiga minggu. Sejarah telah tercipta buat CGSO apabila Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan Siri 1/2024 telah diadakan bersekali dengan Hari Terbuka CGSO 2024. Majlis Perasmian Penutup Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan Siri 1/2024 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Awang Alik Bin Jeman, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri.



Ketibaan YBhg. Datuk Awang Alik Bin Jeman, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri telah disambut oleh YBhg. Dato' Rahimi Bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO) bersama-sama Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri (TKSUP) dan YBhg.

Datuk Abdul Halim bin Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan) Jabatan Perdana Menteri (TKSUKP) bertempat di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM).





Majlis dimulakan dengan perbarisan tamat latihan oleh pelatih kursus asas seramai 129 orang pelatih yang telah berjaya menjalani kursus asas selama tiga minggu. Selain itu, turut menjadi tumpuan adalah persembahan gimik pembukaan Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan, demonstrasi T-Baton oleh pasukan gabungan yang terdiri daripada pegawai CGSO dan juga persembahan “Drumline” hasil gabungan ILKEM dan juga kader-kader CGSO.



Pengurusan Tertinggi dan seluruh warga CGSO mengucapkan selamat datang kepada semua pelatih baharu dan tahniah kepada pelatih-pelatih kawad kaki terbaik serta mendoakan selamat maju jaya dan selamat bertugas. Kesemua pelatih yang telah selesai menjalani Kursus Asas Keselamatan Perlindungan ini akan ditempatkan di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan seluruh negeri. Selamat maju jaya.

"Keseronokan terbesar dalam hidup adalah melakukan apa yang orang katakan anda tidak boleh lakukan"

-WALTER BAGEHOT-
(Penulis, Pakar Ekonomi, Wartawan British)

HARI TERBUKA CGSO

Pada 08 Ogos 2024, buat julung kalinya Hari Terbuka CGSO 2024 telah berjaya dianjurkan dengan penuh meriah. Pelbagai aktiviti dan pameran yang menarik disediakan sepanjang program *Open Day* CGSO berlangsung. Seramai 17 agensi pemamer Kerajaan dan 14 pemamer swasta telah mempamerkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi masing-masing. Pameran dan aktiviti yang telah disediakan yang telah menarik seramai 3,500 orang pengunjung meliputi ibu bapa pelatih lantikan baharu, pegawai daripada agensi Kerajaan dan swasta, murid sekolah, pemegang taruh, rakan strategik, pemain industri pembekalan kelengkapan dan percetakan keselamatan, sektor sasaran penting negara, institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta komuniti setempat.



Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) bersama-sama pemamer mewakili agensi Kerajaan termasuklah Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Unit Transfusi Darah Hospital Kuala Pilah, Pusat Pengimejan Diagnistik Nuklear UPM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sembilan (KPDNHEP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Penjara Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan awam (SPA), Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Bahagian Pungutan Zakat Negeri Sembilan, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia Melaka/ Negeri Sembilan (YAPIEM), National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH Training) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi National (PTPTN).

Manakala pempamer swasta terdiri daripada Mediscreen, Panel Perubatan 1, Panel Perubatan 2, HIK Vision, Percetakan National Malaysia Berhad Kuala Lumpur (PNMB KL), Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM), ATTIN Press, Mal-Tel Communication Sdn Bhd, Anda Technology Sdn Bhd, Dascom, Erri Engineering, Aerodyne, Panasonic Malaysia dan Ecoworld.



Selain itu, pertandingan kawad kaki Piala Pusingan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan turut dianjurkan dengan penyertaan daripada pegawai – pegawai kader CGSO yang bertugas di Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan. Pertandingan ini diadakan sempena Hari Terbuka CGSO 2024 melibatkan empat (4) agensi Kerajaan iaitu Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Pasukan kawad JPM telah mencatatkan sejarah apabila berjaya menjuarai Piala Pusingan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan buat kali pertama, manakala pasukan kawad KKM menduduki tempat Ke-2, pasukan kawad MOF ditempat Ke-3 dan pasukan kawad HKL ditempat Ke-4.

Ramai penonton membanjiri padang kawad Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Bandar Enstek, Nilai untuk menyaksikan pasukan kawad untuk beraksi. Piala Pusingan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan merupakan piala yang direka khas dan mempunyai ciri-ciri istimewa termasuk ikon burung hantu berwarna emas yang terletak di puncak piala berkenaan.



The background features a large, slightly wavy Malaysian flag at the top right. To the left of the flag, there is a silhouette of a person standing and holding a long pole or flagpole, with another person visible behind them, suggesting a historical independence day celebration.

ARTIKEL
CGSO



KERANGKA KONSEPTUAL SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BERSEPADU (SKKB) DI MALAYSIA

ENCIK MOHD FAIZUL BIN MOHD NOR

PENGARAH

BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KORPORAT (BPK)

Malaysia merupakan salah satu negara paling selamat dan aman di dunia. Laporan terkini Indeks Keamanan Global 2024 (GPI) menunjukkan Malaysia menduduki tempat ke-10 sebagai antara negara paling aman di dunia dan tersenarai sebagai negara ketiga paling aman di rantau Asia Pasifik. Laporan itu juga menunjukkan Malaysia disenaraikan antara lima negara paling aman dalam domain konflik sedang berlangsung dan ketiga terbaik dalam domain ketenteraan.

MALAYSIA NEGARA KE-2 PALING AMAN DI ASIA, KE-10 DI DUNIA

Menurut Indeks Keamanan Global (GPI) 2024

| Kedudukan | Negara | Markah |
|-----------|-----------------|--------------|
| 1 | Iceland | 1.112 |
| 2 | Ireland | 1.303 |
| 3 | Austria | 1.313 |
| 4 | New Zealand | 1.323 |
| 5 | Singapura | 1.339 |
| 6 | Switzerland | 1.35 |
| 7 | Portugal | 1.372 |
| 8 | Denmark | 1.382 |
| 9 | Slovenia | 1.395 |
| 10 | Malaysia | 1.427 |

GPI merupakan pengukur utama
kedamaian diiktiraf global

GPI 2024 adalah edisi ke-17 yang
menyenaraikan 163 negara dan
mewakili 99.7% penduduk dunia

Sumber: Institute for Economics & Peace <https://www.economicsandpeace.org/>

Diterbitkan: 15 Jun 2024
Infographic: Bernardo

Abad ke 21 menyaksikan kebangkitan dan perkembangan yang pantas bagi teknologi sistem keselamatan elektronik di seluruh dunia terutamanya di Malaysia. Antara lambakan sistem keselamatan elektronik di pasaran adalah *Closed Circuit Television System* (CCTV), *Perimeter Infra-Red* (PIR), *Under Vehicle Surveillance System* (UVSS), *Card Access Management System* (CAMS), *Anti-Terrorist Bollard System* (ATBS), *Visitor Management System* (VMS), *Staff Management System* (SMS), *Guard Tour System* (GTS), *Boom Gate System*, *Perimeter Intrusion Detection System* (PID), *Anti Drone Defense System* (ADDS) dan *Security Lighting System* (SLS).



Sistem Kawalan Keselamatan adalah sistem dan peralatan keselamatan bagi memantau dan mengawasi kemungkinan semua aktiviti yang lakukan untuk kepentingan awam dan swasta. Ia juga bertindak sebagai alat pertahanan keselamatan kepada Jabatan Kerajaan atau swasta di samping sebagai bahan bukti terhadap sesuatu kemalangan atau insiden di kawasan yang telah dilengkapi dengan sistem kawalan keselamatan berkenaan. Secara umumnya sistem kawalan keselamatan di Malaysia tidak diintegrasikan secara bersepadu dan tidak komprehensif. Kebanyakkan reka bentuk pemasangan sistem kawalan keselamatan adalah bersifat *standalone*.

Salah satu ciri teknikal sistem kawalan keselamatan moden adalah integrasi dengan komponen dan sistem kawalan keselamatan yang lain. Sistem ini mengenal pasti dan menguruskan pengendali yang bertugas dalam bentuk nama dan kata laluan operasinya sendiri. Sistem ini hanya memberikan pengendali hak untuk mengakses dan mengubah suai data dan peralatan kawalan pada tahap yang sama. Sistem merekodkan dan menyimpan masa dan kandungan akses data atau pengubahsuaian, status operasi sistem, operasi peralatan, dan lain-lain. Pentadbir sistem boleh memberikan dan menghadkan tahap operasi dan peralatan kawalan hak atendan operasi, serta penetapan kawalan operasi jauh, kanan, kiri dan lain-lain.

Melihat kepada senario ini, maka satu kerangka konseptual perlu diwujudkan bagi memberi panduan untuk membangunkan sistem atau aplikasi dengan mengambil kira pengintegrasian sistem secara menyeluruh. Dengan wujudnya kerangka konseptual ini, maka semua aplikasi ini dapat dibangunkan mengikut piawai kerangka konseptual yang akan dicadangkan kelak. Oleh yang demikian, penghasilan rekabentuk kerangka konseptual integrasi Sistem Kawalan Keselamatan Bersepadu (SKKB) yang merujuk kepada reka bentuk bersepadu peralatan dan perisian berkaitan dengan menggunakan teknologi kabel generik, teknologi komunikasi, teknologi



kesalinghubungan rangkaian, teknologi aplikasi multimedia dan teknologi keselamatan rangkaian untuk tujuan membina platform pengurusan keselamatan dalam organisasi. Melalui kerangka konseptual integrasi SKKB yang telah disediakan, langkah-langkah keselamatan perlindungan dapat dirancang dan dipantau, sebarang isu keselamatan dapat dikenalpasti dan ditangani serta langkah penambahbaikan dapat diambil bagi meningkatkan kualiti sistem keselamatan perlindungan kepada Negara.

Sumber Rujukan :

1. Kestabilan politik, kekuatan dalaman letak Malaysia 10 negara paling aman. (Jun 21, 2024). bhrencana@bh.com.my.
2. Indeks Keamanan Global: Malaysia sasar kekal kedudukan 10 teratas – Saifuddin. (Julai 06, 2024). astroawani.com.



SANITASI MEDIA ELEKTRONIK BUKAN SEKADAR PEMBERSIHAN: MELINDUNGI DATA ANDA DARIPADA KETIRISAN MAKLUMAT

PUAN TUN ZAZARINA BINTI ZAINAL ABIDIN
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
BAHAGIAN KESELAMATAN ICT DAN RAHSIA RASMI (BKICTRR)

Seiring dengan perkembangan dunia pendigitalan, media elektronik termasuk komputer, telefon pintar (*smartphone*), *tablet*, dan peralatan penyimpanan data seperti *Memory Card*, *Flash Drive* dan sebagainya, memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan sehari-hari, baik untuk tujuan peribadi maupun urusan kerja di Pejabat. Menurut kaji selidik yang dilancarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), pengguna telefon pintar paling ramai adalah daripada kumpulan umur 35 tahun dan ke bawah. Dapatan kajian menunjukkan 62.5% daripada pengguna memberi respon tidak tahu atau tidak biasa dengan fungsi keselamatan identiti, 17.8% menyatakan agak tahu atau agak biasa dan hanya 19.6% menyatakan tahu dan biasa dengan fungsi tersebut. Ini membuktikan bahawa kadar kesedaran pengguna berkaitan pentingnya menjaga data-data dan maklumat peribadi di telefon pintar masih ditahap yang membimbangkan.


Di era digital yang semakin maju, penggunaan telefon pintar kini menjadi peralatan penting dalam menguruskan dokumen dengan cara yang lebih mudah dan fleksibel. Telefon pintar, yang sebelum ini hanya dianggap sebagai peranti komunikasi, kini dilengkapi dengan aplikasi dan ciri-ciri yang memudahkan pengurusan dokumen secara langsung. Tanpa kita sedari, telefon pintar digunakan dalam urusan rasmi Pejabat seperti memuat-turun dokumen terperingkat yang diklasifikasi SULIT dari akaun emel rasmi, mengedit dokumen tersebut dan menghantarnya semula melalui emel. Kita melakukannya dalam keadaan tergesa-gesa tanpa sebarang kawalan dokumen seperti penyulitan dokumen (*encryption*) bila diarahkan oleh ketua untuk menyiapkannya dalam kadar segera. Media elektronik, seperti telefon pintar dan tablet menawarkan cara yang lebih mudah dan fleksibel untuk menangani dokumen sensitif di hujung jari kita, tetapi juga membawa risiko keselamatan yang perlu diurus dengan baik.



Tanpa kita sedar, media elektronik ini menyimpan sejumlah besar data rasmi dan peribadi. Namun, tanpa kaedah sanitasi yang tepat, media elektronik ini boleh menjadi punca kepada ancaman ketirisan maklumat rahsia rasmi Kerajaan ataupun penyalahgunaan data peribadi. Artikel ini akan memperlihatkan betapa pentingnya langkah-langkah yang perlu diambil untuk pelaksanaannya.

Apa itu Sanitasi.? Sanitasi merujuk kepada proses untuk menjadikan capaian akses ke atas data atau maklumat yang terkandung dalam media elektronik tidak lagi dapat dilaksanakan walaupun dengan tahap usaha yang tertentu. Walaupun menggunakan peralatan forensik yang canggih sekalipun, sanitasi membuatkan data tidak dapat dipulihkan daripada sumber asalnya.

Langkah-Langkah Sanitasi Media Elektronik Yang Boleh Dilaksanakan oleh pemilik adalah seperti berikut :



Jabatan Digital Negara (JDN) menawarkan perkhidmatan berkaitan sanitasi (penghapusan) melalui makmal digital MyDFLAB kepada semua agensi Kerajaan di peringkat persekutuan, negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan. Bagi Agensi Kerajaan, hendaklah mendapatkan khidmat nasihat daripada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan dan Ketua Pengarah Arkib Negara berhubung dengan pemusnahan maklumat rahsia rasmi dalam persekitaran ICT. Pejabat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO) juga menawarkan perkhidmatan sanitasi melalui Makmal Forensik Digital di Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) kepada Agensi Kerajaan. Pihak CGSO telah mengeluarkan "Garis Panduan Sanitasi Media Elektronik Dalam Perkhidmatan Awam" melalui Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2022 yang terpakai kepada semua Agensi Sektor Awam berkuatkuasa pada 9 Disember 2022.

Kesimpulannya, sanitasi adalah bahagian paling penting yang seringkali diabaikan oleh pemilik media elektronik. Melalui pelaksanaan proses sanitasi ini, pemilik dapat memastikan data rasmi mahupun peribadi di dalam media elektronik dapat dihapuskan mengikut langkah-langkah sanitasi yang tepat dan amalan terbaik (best practices) seiring dengan itu, pemilik dapat menikmati manfaat teknologi akan datang dengan lebih tenang.

• Sumber Rujukan :

1. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM)
2. Garis Panduan Sanitasi Media Elektronik Dalam Perkhidmatan Awam, Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2022
3. Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)
4. Jabatan Digital Negara (JDN), Pengenalan MyDFLAB
5. Dr. Nordiana Rahim, E-Wacana, Rencana 31 Julai 2022



ANCAMAN DALAMAN BERPUNCA DARI KELEMAHAN PROSEDUR ATAU KELEMAHAN MANUSIA

ENCIK MOHAMAD AFIF BIN ROSLAN

PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN

**INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA
(ILKEM)**

Merujuk kepada Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) kelemahan manusia didalam ancaman keselamatan merupakan salah satu faktor terbesar dalam kebocoran maklumat sama ada isu keselamatan fizikal mahupun keselamatan dokumen. Kelemahan manusia sama ada disengajakan atau tidak dan tidak diselia dengan prosedur yang betul boleh menyebabkan pelanggaran keselamatan berlaku. Ancaman dalaman merujuk kepada risiko keselamatan yang berpunca dari dalam organisasi. Ini boleh melibatkan pekerja, kontraktor atau sesiapa sahaja yang mempunyai akses kepada maklumat atau sistem sensitif dan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja mengeksplotasi akses ini untuk menyebabkan bahaya. Tidak seperti ancaman luar, yang berasal dari luar organisasi, ancaman orang dalam memanfaatkan akses dalaman untuk mencapai objektif mereka.



Siapa yang boleh menjadi ancaman dalaman di dalam Organisasi ?. Terdapat 3 faktor utama menjadi kunci kepada ancaman ini iaitu, Akses (Access), Kuasa (Authority) dan Pengetahuan (Knowledge). Dari sudut pandang pada organisasi, Pengawal keselamatan merupakan sasaran utama sebagai suspek kerana mereka mempunyai akses ke semua blok bangunan. Walaubagaimanapun, hal ini boleh disangah kerana mereka tidak mempunyai kebenaran untuk pergi ke kawasan sensitif tanpa arahan dari pegawai serta mereka tidak mempunyai

pengetahuan dari segi penyimpanan atau harga pada perkara tersebut. Manakala pengurusan tertinggi juga menjadi sasaran sebagai ancaman pada organisasi kerana mereka memiliki ketiga-tiga faktor itu tetapi integriti mereka di dalam melindungi organisasi boleh menyangkal dakwaan ini. Dengan ini jelas bahawa pegawai yang menguruskan perkara sensitif tersebutlah merupakan ancaman dalaman yang sebenar sekiranya mereka terlibat atau terjebak dalam isu-isu seperti keberhutangan yang tinggi, perubahan fahaman ideologi extremist, diancam dengan ugutan pengganas atau perubahan sikap dengan menunjukkan kebencian kepada pengurusan atasan dari pelbagai faktor seperti isu kenaikan gaji, ketidaksamaan pemberian tugas dan sebagainya.

Apa jenis ancaman dalaman yang boleh terjadi kepada organisasi?. Sabotaj boleh terjadi apabila wujud ketidakpuasan hati dikalangan pekerja terutamanya pekerja yang mempunyai akses kepada maklumat sensitif termasuklah sistem keselamatan yang boleh mengakibatkan kerosakan sama ada berbentuk fizikal atau imej organisasi. Contoh sabotaj di tempat kerja merujuk kepada tindakan yang disengajakan untuk merosakkan atau mengganggu operasi organisasi. Ini termasuk pemusnahan yang disengajakan, pembocoran maklumat penting dan sebagainya. Tindakan sabotaj sering kali dilakukan sebagai ungkapan ketidakpuasan hati terhadap organisasi. Motif boleh bersifat peribadi, organisasi, atau luaran.

Selain itu, kecurian juga boleh berlaku apabila seseorang pekerja yang sudah lama berkhidmat telah mengetahui selok belok dan kelemahan sistem yang membolehkan kecurian berlaku tanpa disedari oleh mana-mana pihak. Walaubagaimanapun, hal ini boleh terjadi sama ada disengajakan atau mengambil kesempatan kepada individu yang sentiasa melakukan kecuaian atau kekurangan kesedaran, secara tidak sengaja sehingga menjelaskan keselamatan. Contohnya termasuk pekerja yang mengambil mudah terhadap kata laluan dan berkongsi kata laluan atau tidak mengikut prosedur penyimpanan fail dengan betul. Disebabkan tindakan mereka, walaupun tidak disengajakan, boleh membawa kepada insiden keselamatan yang serius.

Faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang untuk menjadi ancaman dalaman kepada organisasi?. Banyak faktor yang menjadi penyebab terjadinya pelanggaran keselamatan antaranya ialah perubahan mendadak dalam perilaku, seperti penurunan prestasi secara drastik, kelakuan yang tidak menentu, atau tanda-tanda tekanan, boleh menjadi petunjuk awal kemungkinan akan terjadinya pelanggaran keselamatan. Perubahan ini mungkin disebabkan oleh suntikan ideologi keganasan dan fahaman politik yang extreme atau dari dalaman perilaku sendiri apabila dia merasa diperlakukan tidak adil atau kurang dihargai mungkin menjadi marah dan penyebab untuk perilaku bertindak dengan cara yang merugikan kepada organisasi.

Selain itu, budaya organisasi yang kurang keterbukaan atau mempunyai tahap konflik dalaman yang tinggi boleh menyumbang kepada ancaman dalaman, kerana ia mungkin memupuk persekitaran ketidakpercayaan atau ketidakpuasan hati pekerja kepada organisasi hingga mereka mampu melakukan pelanggaran keselamatan. Amalan keselamatan yang lemah juga boleh menyebabkan hal ini berlaku kerana prosedur tidak dikuatkuasakan dengan baik, seperti perkongsian kata laluan atau pemantauan sistem yang tidak mencukupi, boleh memudahkan ancaman dalaman mengeksplotasi kelemahan (Information security management, 2013). Manakala kegagalan pemeriksaan latar belakang atau penilaian terhadap pekerja dan kontraktor boleh meningkatkan risiko ancaman dalaman dibawah Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

Langkah-langkah pencegahan boleh dilaksanakan dengan penerapan dasar keselamatan yang jelas dengan membangunkan prosedur keselamatan yang sesuai dengan keperluan organisasi dan laksanakan dasar keselamatan yang teliti mengenai akses data dan penggunaan maklumat. Sistem kawalan akses perlu ditambahbaik dan dibangunkan dan perlu merujuk kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) dan terapkan kawalan akses yang ketat dan autentifikasi berganda untuk melindungi data sensitif keperluan untuk laksanakan latihan secara berkala dan simulasi kebocoran mengenai keselamatan maklumat dan risiko ancaman dalaman sekurang – kurangnya dua (2) kali setahun. Pengambilan pekerja baru perlu dilakukan penilaian risiko dan pemeriksaan latar belakang untuk mengenal pasti ancaman berpotensi dan mengamalkan prosedur yang ketat bagi kakitangan menyertai dan meninggalkan organisasi.

Selain daripada prosedur yang ketat, keperluan organisasi mewujudkan hari keselamatan yang memberi penerapan kepada pekerja di dalam organisasi untuk mejadikan keselamatan adalah tanggungjawab bersama bukan terhad kepada bahagian keselamatan sahaja. Disamping itu, pekara ini diteruskan dengan membentuk *security culture* atau *security awareness* yang menerapkan slogan kata sebagai contoh seperti “*See Something, Say Something*” kepada pekerja untuk mereka sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan melaporkan sekiranya berlaku sebarang pelanggaran keselamatan tidak kira sama ada rakan sekerja atau pun orang luar organisasi.

Kesimpulannya, ancaman dalaman merupakan risiko yang signifikan kepada keselamatan organisasi. Ia melibatkan individu dalam organisasi yang menyalahgunakan akses mereka untuk tujuan jahat. Sehubungan dengan itu, kelemahan manusia sering dianggap sebagai punca terbesar ancaman dalaman, kerana walaupun prosedur telah diwujudkan, pelaksanaannya sangat bergantung kepada individu. Untuk mengurangkan risiko ini, organisasi perlu melaksanakan langkah-langkah keselamatan yang ketat, termasuk pemantauan berterusan, latihan kesedaran keselamatan, dan pengurusan akses yang berkesan. Dengan pendekatan yang proaktif, organisasi dapat melindungi aset dan maklumat mereka daripada ancaman dalaman.

Sumber Rujukan :

1. Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)
2. Pekeliling Am Bil 5 Tahun 2021, Tapisan Keselamatan Semula kepada Pegawai Awam Melalui Sistem E-Vetting.
3. Choi, J., & Lee, J. (2019). *Corporate security management: Challenges and solutions.*
4. Salgado, M. S., & Taylor, J. (2020). *Access control and security in information systems.*
5. Renaud, K., & Birch, D. (2018). *Cyber security management: An introduction.* Springer.
6. Anderson, R. (2020). *Security engineering: A guide to building dependable distributed systems.*
7. McHugh, J. (2021). *Managing information security risks.* Routledge.

A background image featuring the Malaysian flag with its red and white horizontal stripes and a yellow crescent moon and 14-pointed star in the upper left corner. Below the flag, a silhouette of a person in traditional Malayan clothing stands on a rocky outcrop, holding a long staff or spear, with their right arm raised in a gesture of triumph or declaration. The scene is set against a bright, slightly hazy sky.

**AKTIVITI DI
ULKEM**

AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN JULAI, OGOS DAN SEPTEMBER 2024

| BIL | AKTIVITI JULAI 2024 | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|----------------|
| 1. | KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (PSM 1006), SIRI 2/2024 | 02 – 03 JULAI 2024 | 25 |
| 2. | KURSUS PENGUKUHAN KESELAMATAN PERSONEL (PSW 3003), SIRI 2/2024 | 03 JULAI 2024 | 18 |
| 3. | BENGKEL PENGENDALIAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI AM 492, AM 492A DAN AM 492B (SRC 1008), SIRI 1/2024 | 09 – 10 JULAI 2024 | 81 |
| 4. | KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) (DSO 1001), SIRI 3/2024 | 16 – 18 JULAI 2024 | 72 |
| 5. | KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK (KPM 1010), SIRI 2/2024 | 16 – 18 JULAI 2024 | 40 |
| 6. | KURSUS PEGAWAI PENGELAS (COC 1003), SIRI 3/2024 – BILIK TUTORIAL 4 | 23 – 24 JULAI 2024 | 28 |
| 7. | KURSUS PEGAWAI PENGELAS (COC 1003), SIRI 3/2024 – BILIK TUTORIAL 6 | 23 – 24 JULAI 2024 | 37 |
| 8. | KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI (DCC 1008), SIRI 3/2024 | 23 – 24 JULAI 2024 | 15 |
| 9. | KURSUS BASIC LIFE SUPPORT – CPR DAN PERTOLONGAN CEMAS SIRI 2/2024 | 02 – 03 JULAI 2024 | 34 |
| 10. | KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN LANTIKAN BAHARU SKIM PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41, PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP29, PEMBANTU KESELAMATAN KP19 DAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 SIRI 1/2024 | 15 JULAI – 08 OGOS 2024 | 130 |
| 11. | KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS KAWALAN KESELAMATAN) SIRI 2/2024 | 23 – 25 JULAI 2024 | 60 |

AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN JULAI, OGOS DAN SEPTEMBER 2024

| BIL | AKTIVITI OGOS 2024 | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|----------------|
| 1. | KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT (SRC 1007), SIRI 3/2024 | 13 – 14 OGOS 2024 | 40 |
| 2. | KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (AWP 1009), SIRI 3/2024 | 13 – 14 OGOS 2024 | 40 |
| 3. | KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ICT) (ITS 1004), SIRI 3/2024 | 20 – 21 OGOS 2024 | 30 |
| 4. | BENGKEL PENGENDALIAN KUNCI KESELAMATAN DAN TATACARA NOMBOR KOMBINASI (SGC 1014), SIRI 2/2024 | 20 OGOS 2024 | 40 |
| 5. | KURSUS ASAS PENGENDALIAN T BATON SIRI 2/2024 | 03 – 08 OGOS 2024 | 37 |
| 6. | KURSUS TOT BERKAITAN PELAKSANAAN INSPEKTORAT KESELAMATAN SIRI 2/2024 | 05 – 06 OGOS 2024 | 40 |
| 7. | BENGKEL TOT PENGURUSAN SASARAN PENTING & KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN SIRI 2/2024 | 13 – 14 OGOS 2024 | 22 |
| 8. | KURSUS INTEGRITI SIRI 3/2024 | 21 – 22 OGOS 2024 | 21 |
| 9. | KURSUS TOT KESELAMATAN FIZIKAL SIRI 3/2024 | 27 – 28 OGOS 2024 | 20 |

AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN JULAI, OGOS DAN SEPTEMBER 2024

| BIL | AKTIVITI SEPTEMBER 2024 | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|----------------|
| 1. | KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) (ADSO 1002), SIRI 6/2024 | 03 - 05 SEPTEMBER 2024 | 71 |
| 2. | KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PEMILIK DAN PENGHUNI (KPM 1010), SIRI 4/2024 - BILIK TUTORIAL 4 | 03 - 05 SEPTEMBER 2024 | 34 |
| 3. | KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PEMILIK DAN PENGHUNI (KPM 1010), SIRI 4/2024 - BILIK TUTORIAL 5 | 03 - 05 SEPTEMBER 2024 | 33 |
| 4. | BENGKEL PENGENDALIAN KUNCI KESELAMATAN DAN TATACARA NOMBOR KOMBINASI (SGC 1014), SIRI 3/2024 | 04 SEPTEMBER 2024 | 40 |
| 5. | KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (PSM 1006), SIRI 3/2024 | 17 - 18 SEPTEMBER 2024 | 24 |
| 6. | KURSUS TOT BERKAITAN PELAKSANAAN INSPEKTORAT KESELAMATAN SIRI 3/2024 | 03 - 04 SEPTEMBER 2024 | 26 |
| 7. | KURSUS BASIC LIFE SUPPORT - CPR & PERTOLONGAN CEMAS SIRI 3/2024 | 18 - 19 SEPTEMBER 2024 | 26 |
| 8. | KURSUS ASAS SIASATAN | 24 - 26 SEPTEMBER 2024 | 20 |

KURSUS

Basic Life Support - CPR & TRAUMA

SIRI 2/2024



Pada 02 dan 03 Julai 2024, sekali lagi Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan Kursus *Basic Life Support* (BLS)- CPR & TRAUMA. Seramai 34 peserta yang telah hadir di dalam kursus ini. Antara penceramah yang memberi ceramah di dalam kursus ini ialah Dr. Puan Nor Azlinawani binti Hussin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Mohd Marisa bin Aminuddin daripada Angkatan Pertahanan Malaysia (APM) dan Encik Mohd Ridzuan bin Mohamed Buniran daripada Angkatan Pertahanan Malaysia (APM).

Kursus ini bertujuan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pegawai keselamatan Kerajaan dengan memberi pengetahuan secara teori dan praktikal mengenai teknik asas bantuan *Basic Life Support* (BLS) - CPR yang betul kepada mangsa yang mengalami *Cardio respiratory arrest* dan *airway Choking* tanpa menggunakan sebarang bantuan peralatan perubatan. Selain itu, kursus ini dijalankan untuk memastikan setiap pegawai keselamatan Kerajaan memahami bila bantuan BLS dan CPR perlu dilakukan dan berkeyakinan untuk menyelamatkan sesiapa sahaja tanpa mengira tempat mahupun masa.

Latihan BLS dan CPR sangat disyorkan untuk semua orang, terutama mereka yang sering berada di tempat awam atau bekerja dalam bidang kesihatan. Latihan ini biasanya ditawarkan oleh organisasi seperti Palang Merah atau institusi kesihatan lain. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran BLS dapat membuat perbezaan besar dalam menyelamatkan nyawa seseorang di saat kecemasan. *Basic Life Support* (BLS) adalah satu set kemahiran yang penting untuk diketahui oleh semua orang.

Dengan mengetahui dan melaksanakan BLS dengan betul, kita dapat menyelamatkan nyawa dan memberikan bantuan yang sangat diperlukan sebelum bantuan perubatan profesional tiba. Mempelajari BLS adalah langkah proaktif untuk bersedia menghadapi situasi kecemasan dan memastikan kita dapat bertindak pantas dan efektif apabila diperlukan.



BENGKEL PENGENDALIAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI AM 492, AM 492A DAN AM 492B SIRI 2/2024



Pada 09 dan 10 Julai 2024, Bengkel Pengendalian Buku Daftar Suratan Rahsia Rasmi Am 492, Am 492a dan Am 492b , Siri 2/2024 telah diadakan di Auditorium, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai 81 peserta dari pelbagai kementerian,jabatan,agensi yang terlibat di dalam bengkel ini. Penceramah yang memberi taklimat di dalam bengkel ini adalah Puan Dayang Munira binti Bukhari daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Negeri Sembilan dan Encik Mohamad

Esalan Bin Mohamad Salleh daripada Ibu Pejabat CGSO, Putrajaya.

Objektif bengkel ini dilaksanakan adalah untuk memberi pengetahuan dan kefahaman tentang pengendalian dokumen rahsia dan rahsia rasmi di Jabatan terutama berkaitan Pengendalian Buku Daftar Rahsia Rasmi dan menjelaskan tentang prosedur yang betul, tepat dan jelas berkenaan pengurusan dokumen rahsia rasmi. Pengendalian dokumen rahsia dan rahsia rasmi di sesebuah jabatan, terutamanya yang berkaitan dengan Buku Daftar Rahsia Rasmi,melibatkan beberapa langkah penting

untuk memastikan keselamatan dan kerahsiaan maklumat. Antara langkah-langkah penting yang perlu diambil adalah memastikan semua dokumen yang diterima atau dihasilkan yang mengandungi maklumat rahsia perlu didaftarkan dalam Buku Daftar Rahsia Rasmi dan dokumen-dokumen ini perlu diberi pengelasan yang sesuai seperti "Rahsia", "Sulit", "Terhad" atau "Pekeliling Terhad" mengikut tahap kerahsiaan yang ditetapkan oleh jabatan.



Selain itu, dokumen rahsia perlu disimpan dalam peti keselamatan atau bilik kebal yang dikunci dan hanya boleh diakses oleh individu yang diberi kuasa serta kawalan akses yang ketat perlu dipraktikkan bagi memastikan hanya individu yang berkepentingan sahaja yang boleh mengakses dokumen tersebut. Rekod akses perlu dibuat apabila setiap kali dokumen rahsia diakses atau disemak, rekod perlu dibuat dalam Buku Daftar Rahsia Rasmi

dan rekod ini harus mengandungi maklumat seperti tarikh, masa, individu yang mengakses, serta tujuan akses. Selain daripada itu juga, peserta bengkel turut didedahkan bagaimana pengendalian fizikal di dalam dokumen rahsia. Dokumen rahsia tidak boleh dibawa keluar dari kawasan pejabat kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa yang berkenaan dan dokumen rahsia perlu dihantar menggunakan saluran yang selamat dan dipercayai jika perlu dipindahkan.

| Daftar Suratan Rahsia Rasmi Di Bawah Jadual Akta Rahsia Rasmi 1972 Dan Berhubungan Dengannya. (Am 492) | | | | | | | | | |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|---------------|---------|----------------------------------------|------------|-------------------------|--------|--------------|---------|
| BIL | TARIKH SURAT | RUJUKAN SURAT | PERKARA | DIKELUARKAN OLEH KEMENTERIAN / JABATAN | PENGELASAN | DIKELASKAN SEMULAH OLEH | TARikh | TANDA TANGAN | CATATAN |
| | | | | | | | | | |



Secara ringkasnya mengenai bengkel ini, pengendalian dokumen rahsia dan rahsia rasmi di sesebuah jabatan memerlukan perhatian dan disiplin yang tinggi bagi memastikan keselamatan dan kerahsiaan maklumat. Langkah-langkah yang melibatkan pendaftaran, pengelasan, penyimpanan selamat, rekod akses, pengendalian fizikal, pemusnahan dokumen, latihan dan kesedaran, serta audit dan pengawasan adalah penting untuk melindungi dokumen tersebut daripada akses yang tidak dibenarkan.

Dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan, jabatan dapat memastikan maklumat rahsia dilindungi dengan berkesan dan integriti maklumat terpelihara.

Kursus Pengurusan Keselamatan Sasaran Penting Dan Kawasan Larangan Tempat Larangan Bagi Penghuni Dan Pemilik

Siri 3/2024



Pada 16 dan 18 Julai 2024, Kursus Pengurusan Keselamatan Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan bagi Penghuni dan Pemilik Siri 3/2024 telah diadakan di ILKEM. Seramai 40 peserta dari pelbagai kementerian, jabatan, agensi yang terlibat di dalam kursus ini. Penceramah yang memberi taklimat di dalam kursus ini adalah Encik Mohd Radzi bin Jamalludin, Pengarah Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan (SPKLTL), Encik Azmi bin Embi, Timbalan Pengarah SPKLTL, Encik Afiq Zamarul bin Zarimi daripada

National Cyber Security Agency (NASCA) dan Encik Mohd Yazid bin Jamari, daripada National Institut of Occupational Safety and Health (NIOSH).

Tujuan kursus ini diadakan adalah memberi kefahaman dalam kepentingan Sistem Pengurusan Keselamatan Sasaran Penting Negara dan memberi kesedaran kepada pihak pengurusan pemilik atau penghuni Sasaran Penting Negara bagi meningkatkan pengurusan Sasaran Penting Negara. Keselamatan sasaran penting dan kawasan larangan adalah elemen kritikal dalam pengurusan keselamatan negara.



Pengurusan keselamatan sasaran penting dan kawasan larangan memerlukan pendekatan yang komprehensif dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat. Dengan memastikan langkah-langkah keselamatan yang ketat dilaksanakan dan dipatuhi, kita dapat melindungi aset penting negara dan menjamin keselamatan penghuni serta kakitangan yang bekerja di kawasan tersebut. Pendidikan dan kesedaran berterusan, bersama dengan teknologi dan prosedur kecemasan yang efektif, adalah kunci kepada pengurusan keselamatan yang berjaya.

KURSUS KESEDOARAN AWAM (ASAS KAWALAN KEBAKARAN) SIRI 2/2024



Pada 23 hingga 25 Julai 2024, Kursus Kesedaran Awam (Asas Kawalan Kebakaran) Siri 2/2024 telah diadakan di Institut Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Kursus pada kalini telah disertai seramai 30 orang pelatih Gred KP19 Pembantu Keselamatan daripada kursus asas ILKEM dengan Kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat di daerah Nilai, Negeri Sembilan. Kursus ini merupakan satu kursus yang memberi pendedahan berkaitan peranan dan tanggungjawab *Emergency Response Team (ERT)* dalam menghadapi sebarang

kecemasan yang melibatkan insiden kebakaran di tempat kerja. Kursus ini merupakan salah satu keperluan kepada Emergency Response Team (ERT) berhubung tatacara keselamatan fizikal, bangunan sebelum melaksanakan latihan kebakaran dan pengungsian bangunan. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kompetensi Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK)/ERT berkenaan dalam aspek pencegahan dan menangani insiden kecemasan.

Akta Bomba 1988 Akta 341 Seksyen 5 (1) menjelaskan "Setiap premis atau bangunan yang sentiasa berurusan dengan orang ramai mesti merangka atau merancang satu pelan atau tatacara pengungsian bangunan secara tersusun". Manakalah di dalam Arahan Perkhidmatan, Bab 8 (1-3) Perkara 2 menjelaskan " Setiap jabatan/agensi mesti mengadakan latihan semasa ke semasa bagi kakitangan tentang cara mencegah kebakaran (penggunaan A.P.A) dan latihan menyelamatkan diri terutamanya dari



bangunan tinggi". Justeru itu, objektif kursus ini diadakan adalah untuk melengkapkan staf dengan keperluan keselamatan kebakaran, pencegahan kebakaran serta langkah dan metodologi yang sesuai untuk bertindak balas terhadap kecemasan kebakaran selaras dengan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).



Objektif kursus ini juga memberi pemahaman mengenai peranan ERT sebagai "Responden Pertama" dalam menguruskan kecemasan kebakaran, keselamatan kebakaran dan pencegahan kebakaran. Selain itu, memberi pendedahan kepada peserta kursus tentang istilah kebakaran, sistem penggera kebakaran, klasifikasi kebakaran dan peralatan pemadam kebakaran. Kursus ini juga turut mendedahkan pengetahuan peserta mengenai cara kebakaran, cara perlindungan termasuk jenis peralatan kebakaran yang harus digunakan

untuk pelbagai kebakaran, panduan tentang prosedur pemindahan, cara terbaik untuk mengukur pintu keluar paling selamat dan juga bagaimana untuk membantu individu yang terdedah dengan kecemasan.

BENGKEL PENGGUBALAN SOALAN PEPERIKSAAN BAGI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN DAN PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN

Pada 13 hingga 15 Ogos 2024, Bengkel Penggubalan Soalan Peperiksaan Bagi Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan dan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) di Jabatan Perdana Menteri dan Pelbagai Jabatan telah di adakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Bengkel penggubalan soalan peperiksaan ini telah dirasmikan oleh Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Sektor Dasar). Seramai 30 orang pegawai yang telah hadir di dalam bengkel ini termasuklah pengarah-pengarah negeri dan juga pegawai-pegawai kanan dari Ibu Pejabat CGSO. Penceramah yang terlibat di dalam bengkel ini adalah Puan Siti Fatimah Nur binti Hussain, Penolong Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Encik Muhammad Haniff bin Huzaizi, Penolong Pegawai Tadbir JPA.



Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menggubal soalan peperiksaan perkhidmatan subjek jabatan dan peperiksaan PSL selaras dengan perubahan dan pertambahan akta/arahan/pekeliling dan garis panduan yang terkini selaras dengan perkembangan semasa dan membantu para penggubal soalan dalam menyediakan soalan-soalan peperiksaan mengikut gred-gred yang tertentu selaras dengan sukanan peperiksaan yang terkini. Selain itu, memberikan pendedahan dan kefahaman jelas berkaitan teknik asas penggubalan soalan kepada penggubal soalan yang dilantik oleh kedua-dua panel peperiksaan dan memberikan pendedahan dan kefahaman yang jelas berkaitan teknik asas penilaian kompetensi pegawai skim KP menggunakan kaedah temuduga sebagai salah satu komponen penilaian.

KURSUS KESEDARAN BAGI SISTEM PENGURUSAN KUALITI ISO 9001:2015 SERTA BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT SYSTEM ISO 22301:2019

Pada 06 September 2024, Kursus Kesedaran Bagi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 serta *Business Continuity Management System* (BCMS) ISO 22301:2019 telah di adakan di Auditorium, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Kursus kesedaran ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Encik Zaffarin bin Zainal, Perunding Pengurusan ISO. Semua pegawai CGSO di Ibu Pejabat serta Ahli Jawatankuasa turut terlibat di dalam kursus ini. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada warga CGSO berkaitan kepentingan dan kelebihan pensijilan ISO 22301:2019 dan ISO 9001:2015 serta untuk memenuhi keperluan audit yang akan dilaksanakan pada bulan Oktober tahun 2024.

Seperti yang sedia maklum bahawa CGSO telah berjaya memperolehi dua (2) pensijilan *International Organization for Standardization* (ISO) iaitu ISO 9001:2015 *Quality Management System* (QMS) dan ISO 22301:2019 *Business Continuity Management System* (BCMS). Pensijilan ini telah menunjukkan bahawa CGSO sangat komited dalam meningkatkan kualiti kerja dan pengurusan kesinambungan perkhidmatan pejabat. CGSO telah memperolehi pensijilan ISO bagi QMS dari *Lloyd's Register Quality Assurance* (LRQA) bermula pada tahun 2005 dan pembaharuan bersama NIOSH Certification bermula pada tahun 2023. Dalam tempoh ini, CGSO telah mengorak langkah melaksanakan tugas-tugas berdasarkan piawaian sistem pengurusan kualiti yang telah ditetapkan bagi menjaga kualiti kerja dan penyampaian perkhidmatan yang tertakluk di bawah Keselamatan Perlindungan. Sistem Pengurusan Kualiti tersebut adalah merangkumi:-

- ▶ Pengurusan Tapisan Keselamatan;
- ▶ Inspektorat;
- ▶ Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan;
- ▶ Perlindungan fizikal dan kelengkapan keselamatan;
- ▶ Latihan;
- ▶ Peperiksaan; dan
- ▶ Penyelarasian.

Bagi pensijilan BCMS, CGSO merupakan *pioneer* atau perintis di kalangan jabatan/agensi Kerajaan untuk memperolehi pensijilan dalam sistem pengurusan kesinambungan perkhidmatan. Perancangan dan langkah pensijilan ini telah mendapat kerjasama baik dari pihak CyberSecurity Malaysia (CSM) bermula pada 7 Oktober 2020 melalui MoU yang telah dimeterai. Hasil ketekunan dan kerjasamaberkumpulan Jawatankuasa ISO serta pegawai/kakitangan Ibu Pejabat CGSO, pada 1 Oktober2021 ketua auditordari CyberSecurity Malaysia(CSM) telah mengumumkan kejayaan Pejabat CGSO dalam memperolehi Pensijilan ISO 22301:2019 Business Continuity Management System (BCMS) bagi tempoh tiga (3) tahun bermula pada 19 Oktober 2021 sehingga 18 Oktober 2024.

CGSO juga telah selesai menjalani sesi Pembaharuan ISO 9001:2015QMS oleh pihak NIOSH *Certification* yang telah diadakan pada bulan Ogos 2023 yang lalu.Tiada penemuan ketidakpatuhan dilaporkan dan CGSO memenuhi semua objektif yang telah ditetapkan. Untuk sesi audit yang akan datang, Pejabat CGSO akan menghadapi *Audit Surveillance* bagi ISO 9001:2015 QMS dan audit pensijilan semula (*certificate renewal*) ISO 22301:2019 BCMS. Sesi audit ini akan dilaksanakan pada bulan Oktober tahun ini.





BERITA PERKHIDMATAN



PUAN NUR AIMI HANISAH BINTI ABAS

PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA

| TARIKH | BERTUGAS |
|------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 18/11/2021 | Pejabat Pendaftar Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) sebagai Timbalan Pendaftar |
| 15/07/2024 | Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) CGSO |



NUKILAN



IKHLAS, JANJI DAN KHIDMAT

Oleh **ENCIK NORDIN BIN ADON**
Pengawal Keselamatan KP 11
Hospital Permai Johor Bahru

Hujan yang lebat tidak menghalang
Jasa mu yang banyak tidak terbilang
Kami semua datang untuk berjuang
Niat dan impian telah pun dipasang

Dibahagi bahagi kepada 4 kumpulan
Terpilih diantara mereka yang handalan
Menurut akur tugas yang diberikan
Moga mendapat berkat hasil imbalan

Dari selatan utara timur dan barat
Telahpun kami capai kata sepakat
Lupakan sejarah kurangi mudarat
Ikrar dan aku janji di dada tersemat

Menjaga kerahsiaan kerajaan menjadi matlamat
Demi kepentingan dan pentadbiran negara
Amanah dijaga dan aset diselia
Taat pemerintah dan juga Raja

Ucapan syukur kehadrat ilahi
Atas rezeki yang telah diberi
Pengorbanan kami menjadi bukti
Moga ianya juga menjadi saksi.

Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
khidmat kami sentiasa diperlukan



**Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia
(ILKEM)**

**Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri**

**Persiaran Timur 3, Bandar Baru Enstek,
71760 Bandar Baru Enstek,
Negeri Sembilan**

Tel.Pejabat: 06-7993301

Faks: 06-7994667/5007

www.cgso.gov.my